

NO. SOALAN: 370

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [PASIR MAS]**

SOALAN :

YB Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar di peringkat Sarjana dan PhD dan mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan untuk menyambung pelajaran di luar negara.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar yang menerima biasiswa tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang melanjutkan pelajaran ke luar negara di peringkat Sarjana dan Ph.D bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seramai 352 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 289 orang melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana manakala 63 orang di peringkat Ph.D.

Sekian. Terima kasih.